

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan rancangan Kementerian untuk menyedarkan rakyat khususnya penuntut sekolah dan universiti termasuk belia-belia mengenai pencemaran plastik khususnya "single use plastics". Adakah Kementerian akan menggunakan pakai kepakaran NGO dan kumpulan kepentingan lain untuk menyedarkan orang ramai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics*, 2018-2030 telah dilancarkan pada 17 Oktober 2018. Kementerian dengan kerjasama KPKT serta agensi dan badan bukan Kerajaan (NGO) sedang giat menjalankan program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) mengenai kepentingan menghindari penggunaan plastik sekali guna.

2. Pelbagai aktiviti kesedaran mengenai pentingnya menghindari plastik sekali guna kepada pelajar sekolah telah dilaksanakan oleh agensi di bawah Kementerian ini iaitu Yayasan Hijau (Yahijau). Ianya termasuk *Green Guardian*, Karnival Inovasi Teknologi Hijau, Program *Green*

*Technology Themed Science Camps, Program Pelaksanaan Audit Hijau di Sekolah, Karnival Hijau dan Program Pembangunan dan Pelaksanaan Modul Teknologi Hijau.*

3. Pada 10 September 2019 yang lalu, MESTECC telah bekerjasama dengan *British High Commissioner* (BHC) dalam menganjurkan tayangan filem dokumentari bertajuk ‘Blue Planet II’ mengenai kesan pencemaran terutamanya plastik ke atas alam sekitar. Program ini turut melibatkan pelajar sekolah dan universiti di sekitar Kuala Lumpur.
4. Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2019, MESTECC melaksanakan kempen “Hindari Plastik Sekali Guna” selama sebulan bermula 16 September sehingga 30 Oktober 2019. Seramai 30 000 peserta telah menghadiri aktiviti-aktiviti Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini. Di antara aktiviti-aktiviti di perangkat sekolah dan universiti termasuk ceramah kesedaran tentang pentingnya menghindari plastik sekali guna yang melibatkan 100 buah sekolah terpilih, program pertandingan pantomin sekolah rendah peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan 20 buah sekolah, serta program pertandingan pengumpulan sisa kitar semula peringkat sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Agensi Kerajaan serta NGO-NGO juga turut dilibatkan di dalam pelaksanaan program-program tersebut di atas.
5. Untuk tahun 2020, usaha Kementerian dalam menjalankan program CEPA akan dilipatgandakan dengan penubuhan *Malaysia Green Tech and Climate Change Centre* (MGCC).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :      BUKAN LISAN**

**DARIPADA        :      TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG ]**

**SOALAN**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak MITRA dalam mengatasi kemiskinan dan masalah lain di kalangan masyarakat India. Apakah projek yang paling berjaya dan telah mendapat sokongan kuat masyarakat India dalam tahun ini. Dan mohon jumlah NGO yang telah mendapat peruntukan dan jumlahnya.

**JAWAPAN :      YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Tuan Yang di-Pertua,

MITRA memberi penekanan penuh kepada aspek pembasmian kemiskinan melalui fokus utama iaitu pendidikan dan peningkatan ekonomi serta kerjaya yang menyasarkan pelbagai lapisan masyarakat. Bagi tujuan tersebut, MITRA telah mengagihkan 40% daripada jumlah peruntukan keseluruhan untuk pelaksanaan program-program pendidikan dan latihan. Peruntukan ini digunakan untuk pelbagai tujuan berkaitan pendidikan yang meliputi program serta aktiviti bimbingan kanak-kanak prasekolah, *technical and vocational educational training - TVET* dan pembelajaran seumur hidup.

MITRA juga amat perihatin terhadap isu pendidikan sekolah rendah. Projek Bimbingan Kanak-Kanak yang dahulunya dikenali sebagai program pra-sekolah telah dikenal pasti sebagai "program

feeder” untuk meningkatkan pendaftaran anak-anak masyarakat India ke SJK Tamil seluruh negara. Kini MITRA sedang menampung 6088 anak-anak berumur 4-6 tahun program bimbingan kanak-kanak seluruh negara dan membelanjakan lebih kurang RM7 juta setahun untuk program ini.

Untuk golongan graduan yang menganggur pula MITRA menyediakan pelbagai latihan jangka pendek teknikal berteraskan arus perdana IR 4.0 sebagai pemangkin penempatan kerja kepada golongan graduan yang masih menganggur melalui jalinan kerjasama dengan ILKS bagi memastikan kursus yang ditawarkan adalah yang bersesuaian serta **merangkumi latihan EQ dan penempatan kerja**. MITRA juga memastikan golongan pelajar B40 ini disediakan elaun yang mencukupi bagi menampung keperluan asas di sepanjang pembelajaran di ILKS berkenaan. MITRA turut melengkapkan mereka dengan persediaan lain seperti penguasaan Bahasa Inggeris, latihan komunikasi yang berkesan dan sebagainya. Sehingga kini program latihan teknikal “industrial demand driven” ini dapat menjanjikan penempatan kerja kepada beratus graduan yang masih belum mendapat kerja.

Untuk makluman, kelulusan geran program pembangunan sosioekonomi bagi tahun ini hanya bermula pada bulan Jun 2019 dan program dilaksanakan secara berperingkat mulai bulan Julai 2019. Justeru, penilaian keberkesanan dan impak program yang holistik hanya dapat dilaksanakan bermula pada awal tahun hadapan. Antara program berimpak tinggi oleh MITRA yang dijadualkan bagi tahun ini adalah Program “Food Aid” atau (Akshaya Patra). Program ini bertujuan untuk membantu masyarakat India yang tergolong sebagai miskin tegar dengan menyediakan keperluan asas seperti makanan melalui pembelian barang runcit, di mana RM150 diremit ke dalam Kad Pengenalan isi rumah golongan miskin tegar. Ketua isi rumah golongan miskin tegar ini berpeluang membeli makanan asas seperti beras dan tepung daripada outlet terkemuka seperti Tesco , Giant atau Speedmart 99. Memandangkan kelulusan penyaluran peruntukan bagi program ini masih sedang diproses di peringkat Bahagian Pembangunan JPM, maka maklumat penerima dan jumlah peruntukan tidak dapat dikemukakan pada masa ini. Sekian, terima kasih.